

Cara Memahami Tuturan Orang Negeri Sembilan

Oleh Yeop Johari Yaakob

PERSEMBAHAN lawak jenaka, drama dan filem yang disiarkan melalui tv kita kebelakangan ini kerap menyogokkan bahasa daerah dan dialek bahasa Melayu. Dalam siri *Pi Pi Mai Tang Tu*, misalnya, kita banyak disogokkan dengan dialek Melayu Pulau Pinang, dan kadang-kadang dialek Kelantan. Dalam lagu *Apa Kono Eh Jang* pula, kita disogokkan dengan dialek Negeri Sembilan.

Kecenderungan menggunakan dialek bahasa Melayu dalam situasi formal nampaknya kini sudah menular di kalangan pengacara dan juruhebah radio kita. Dialek ini sering dicampuradukkan dengan bahasa baku. Kecenderungan ini mendapat reaksi yang berbelah bagi di kalangan masyarakat kita. Di satu pihak mempertikaikannya kerana kecenderungan ini bercanggah dengan hasrat kita hendak mempopularkan sebutan baku, manakala di satu pihak yang lain pula berpendapat bahawa kecenderungan ini patut digalakkan supaya dialek dan bahasa daerah tidak terkubur.

Sebenarnya mengetahui sesuatu dialek itu baik; baik di sini bermaksud kita dapat menambah pengetahuan tentang bahasa Melayu. Kita akan dapat memahami bahasa itu dalam perspektif yang luas dan tidak terbelenggu dengan sifat-sifat kedaerahan. Di samping itu, kita dapat juga mengenali budi bahasa, tutur sapa sesebuah masyarakat mengikut adat resamnya. Televisyen, kerana sudah sedemikian sifatnya, sememangnya alat yang dapat menyebarkan dan mempopularkan semua dialek Melayu: dialek Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak. Dialek Melayu di luar Malaysia seperti dialek Palembang, Siak, Minangkabau, Bangkaulu, Jambi dan lain-lain patut diperkenalkan juga.

Walau bagaimanapun, penonjolan dan penampilan dialek-dialek Melayu itu hendaklah dibuat dengan betul; bukan seperti yang kita tonton dalam beberapa siri tv kini. Kita tidak

mahu niat yang baik itu menjadi sebaliknya apabila cara penampilan dialek-dialek itu tidak dibuat dengan teliti sehingga dialek itu tercemar akibat persembahan yang kurang sempurna. Sebaik-baiknya, sebelum skrip yang mengandungi dialek-dialek Melayu dibuat, penulis skrip atau pengarah perlu meminta nasihat dan pandangan orang-orang yang mahir akan sesuatu dialek itu. Katakanlah pengarah atau penulis skrip ingin menyelitkan dialek Melayu Perak dalam drama terbitannya, maka dia perlu meminta nasihat daripada orang yang benar-benar mahir dalam dialek Perak terlebih dahulu sebelum menyerahkan skrip itu kepada para pelakornya. Perbincangan dan nasihat pakar dialek ini tadi akan mengelakkan para pelakon daripada membuat sesuatu yang janggal. Hal ini kerana dialek Melayu Perak sebenarnya banyak, dan berbeza antara satu tempat dengan satu tempat yang lain.

Para penonton sebenarnya pun suka jikalau drama atau siri televisyen yang ditayangkan itu mengandungi dialek dan bahasa daerah. Dialek dan bahasa daerah ini akan 'mendekatkan' lagi para penonton dengan rancangan yang disiarkan. Walau bagaimanapun, para penonton akan berasa 'geram' apabila mendapati dialek dan bahasa daerah itu tidak betul sebutannya, manakala laras bahasanya terkeluar daripada konteks.

Dialek Negeri Sembilan merupakan salah satu dialek yang sangat popular di kalangan penulis skrip drama dan penulis lirik lagu juga. Walau bagaimanapun, disebabkan mereka (penulis skrip, penulis lirik dan pengarah juga) kurang memberikan perhatian ke atasnya, maka banyak kesilapan yang sepatutnya dapat dihindarkan telah berlaku.

Dialek Negeri Sembilan yang asli, seperti yang diputuskan dalam satu seminar di Seremban pada 1987, ialah dialek yang dituturkan di Rembau dan Kuala Pilah. Dialek di daerah-daerah lain tidak dianggap asli kerana telah dipengaruhi oleh dialek lain. Kalau kita me-

nyorot semula sejarah Rembau, kita akan dapati bahawa Rembau ialah sebuah negeri yang sudah mempunyai kerajaan sejak 600 tahun lebih yang lalu. Kekayaan bahasanya dapat dilihat dalam himpunan pepatah, petiti, bidalan, gurindam dan pantun seloka yang menjadi wadah adat pepatih yang masyhur itu.

Namun, pada hari ini dialek itu masih dituturkan dalam loghat Negeri Sembilan (bahasa Rembau atau bahasa Pilah yang asli). Kalau tuturan dibuat dalam bentuk yang asli, "orang luar" sukar mengerti, kerana penutur asli itu mempunyai cara dan 'gaya linguistik' yang 'istimewa'. Orang luar akan lebih mudah memahaminya, jika diberi pedoman yang mudah tentang sifat atau ciri-ciri loghat itu, baik secara ilmiah ataupun separa ilmiah. Bahkan pengkaji bahasa pun boleh mendapat ilham daripada huraian seumpamanya itu untuk memahami loghat-loghat sukuan yang lain pula, seperti bahasa sukuan di Sarawak dan di Sabah yang sememangnya mempunyai hubungan dengan budaya Melayu sejak dahulu kala.

Bagi dialek Negeri Sembilan, telah ditemukan beberapa huraian untuk menjelaskan pembentukan kata yang begitu khusus bagi melancarkan komunikasi di kalangan penutur aslinya, dan membentuk identiti puak mereka. Dahulu, bahasa memang digunakan sebagai ciri identiti. Ciri ini masih berleluasa hingga ke hari ini. Kita akan mengetahui negeri asal seseorang apabila bercakap dengannya jika kita mengenali ciri-ciri dialeknya yang dituturkan. Silalah ikuti huraian berikut sebagai pedoman untuk memahami tutur sapa orang Negeri Sembilan.

Pedoman 1

- (a) Gabungkan suku kata akhir (keratan akhir) dua kata tertentu yang berikutan, atau,
- (b) Gabungkan kata pertama dengan suku kata akhir kata kedua.

Misalnya

nanti dahulu	-	tilu atau nantilu
esok pagi	-	sokgi atau esokgi
apa (apo) lagi	-	pogi atau apolai
jangan lagi	-	ngangi atau jangangi
apa (apo) pula (pulak)	-	polak atau apolak
jalan dahulu	-	lanlu atau jalanlu
jangan lah	-	nganla/nganlah(h)
itu lah	-	tulah atau tula
tempat (tompek) itu	-	pektu atau tompektu
ya (iyo) kah (koh)	-	yoh/yokoh atau iyokoh

Pedoman 2

Gabungan suku kata pertama sebuah kata dengan *lah/kah* atau *dersahnya* saja (h) (Pedoman ini terbatas, atau merupakan pengecualian).

Misalnya:

mari (ma/ri) + lah	=	molah/moh
ma → mo		

kalau (ka/lau) + lah	=	kok lah
ka → ko?		[ko? + lah]

Pedoman 3

Gugurkan bahagian tengah kedua-dua kata yang berurutan, dan kemudian gabungkan kedua-dua bahagian yang tinggal itu. Kalau 'kata' yang kedua itu *lah*, boleh ambil *dersahnya* saja).

Misalnya:

tahu tidak	-	tutak
pergi (poi) lah	-	pih atau pilah

Pedoman 4

Gabungan kata yang sudah digugurkan bahagian tengahnya dengan bahagian akhir kata yang menurutnya.

Misalnya:

mari sini	-	mini
mari lah	-	mih/milah
marilah sini	-	mih sini atau mihni

Pedoman 5

Bahagian akhir satu kata digabungkan dengan kata yang digugurkan bahagian tengahnya.

Misalnya:

apa (apo) lagi	-	pogi
----------------	---	------

Pedoman 6

Mengerat-ngerat kata sapaan dan ganti nama dan mengambil bahagian akhirnya.

Misalnya:

bapak	-	apak/pak
hitam	-	itam/tam (Pak Itam)
muda (mudo)	-	udo/do (Pak Udo)
putih (puteh)	-	uteh/teh (Pak Uteh)
tengah (tongah)	-	ongah (Pak Ongah)

Pedoman 7

Pedoman ini agak umum dan mudah.

- (a) i. e [ə] di tengah kata jadi o [ɔ] dalam dialek Negeri Sembilan.
- ii. kata yang berakhir dengan l, r; l, r itu digugurkan. (huruf-huruf adalah seperti dalam sistem ejaan lama).

Misalnya:

mengkar	-	mongka
sedar	-	soda
melur (melor)	-	molo [mɔ + lo]
telur (telor)	-	tolo [tɔ + lo]
bakul (bakol)	-	bako [ba + ko]
pukul (pukol)	-	puko [pu + ko]
betul (betol)	-	boto [bɔ + to]
botol (botol)	-	boto [bɔ + tɔ]

- (b) m di akhir kata selepas vokal i, u jadi n, yang lain sama (tak berubah). Pengaruh bahasa baku sudah begitu meluas sehingga peristiwa ini hampir hilang. Mungkin ada juga pengecualiannya.

Misalnya:

musim	-	musin
belum	-	belun
malam	-	malam (tak berubah)
talam	-	talam

selain - solam
garam - garam

Laras Bahasa

Dari segi laras bahasa sesuatu dialek mempunyai kata yang tersendiri, tapi ada pula bentuknya sama, maknanya tidak sama dengan yang dipakai dalam bahasa baku.

Misalnya:

- turun - pergi
kokoh - kuat
contoh : tali itu *kokoh* lagi.
kukuh - padi yang rebah batangnya kerana buahnya sudah terlalu masak.
contoh : padi dah *kukuh*.
nyorang - "memasak" air
tanak - "masak" nasi (*nanak* nasi - kata kerja)
cuek - cacak (tiang/papar)
contoh : *cuekan* paga/tiang tu (an = penanda kata kerja)
pokat (1) - asli; kental
pokat (2) - muafakat

Contoh

- (a) Percakapan dialek (NS) yang asli.

Aku: Ari tu den poi ko mah ekau, ekau takdo. Den tanyo mak ekau, teh-e ekau poi kobon. Disuroh-e den nunggu, kato-e kojap lai pulangla ekau. Den tunggula ekau ni. Boto kato mak ekau. Kok *lamekkit* ekau *pulangdi*, baliklah den, takkoso den nunggu lamo-lamodoh.

Dio: Ekau *ndakpo*. Ekau *ndajak* den poi cari tolo konggo? Ekau nak ngae yokoh potang ni? Kok yopun *tilu*. Kito makan *lalu*, dah *tukang* kita piola(h).

Aku: Elokla kok dapek poi copek. Kok lamek turun nanti, takpak lamo ngae.

Dia: Yolah.

- (b) Percakapan dalam bentuk yang dilengkapi

(H)ari (i)tu den (aku) po(rg)i ko(ke) (ru)mah e(ng)kau, e(ng)kau ti(id)ak (a)do. Den(aku) tanyo(tanya) (e)mak e(ng)kau, teh(kata) e(nya) e(ng)kau po(rg)i kobon(kebun).

Disuroh-e(nya) den (me)nunggu, kato-e(nya) (se)kojap la(g)i pulangla(h) e(ng)kau. Den tunggu la(h) e(ng)kau (i)ni. Boto(betul) kato(kata) (e)mak e(ng)kau. Kok (kalau = ka → ko?) lam(b)ek (lambat) (di)kit e(ng)kau pulang (ta)di, baliklah den(aku) t(id)ak koso(kuasa: ua → o, a → o) den(aku) (me)nunggu lamo-lamo(lama-lama) doh.

E(ng)kau (he)ndak (a)po. E(ng)kau (he)ndak (menga)jak den poi (pergi) cari tolo(telur) konggo (kerengga)? E(ng)kau (he)n(d)ak ngae (mengail) yo (juga)koh (kah) potang (i)ni? Kok(kalau) yo(ia) pun ti(nanti) lu(dulu). Kito makan la(h) (du)lu (su)dah (i)tu (se)ka(ra)ng kito po(rg)i la(h).

Elokla(h) kok(kalau) dapek(dapat) po(rg)i copek(cepat). Kok (kalau) lambek (lambat) turun(pergi) nanti, t(id)ak (da) pak lamo ngae (mengail).

Anda sudah mengenali majalah-majalah terbitan kami. Tradisi keilmuan yang berterusan. Analisis berita semasa. Bahasa, budaya, sastera, politik dan ekonomi juga. Tujuh majalah yang bermutu setiap bulan.

Majalah-majalah itu kini dapat diperoleh dalam bentuk mikrofilem mulai terbitan yang pertama.

- | | | |
|------------------------|---|-----------|
| 1. Jurnal Dewan Bahasa | - | 1957-1990 |
| 2. Dewan Masyarakat | - | 1963-1990 |
| 3. Dewan Pelajar | - | 1967-1990 |
| 4. Dewan Sastera | - | 1971-1990 |
| 5. Dewan Siswa | - | 1979-1990 |
| 6. Dewan Budaya | - | 1979-1990 |
| 7. Pelita Bahasa | - | 1989-1990 |

Harga segelendung mikrofilem - \$60.00

Sila hubungi:

Pusat Dokumentasi
Bahasa dan Sastera Melayu,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Peti Surat 10803,
50962 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2481011

Faks: 03-2482726